



**SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN: 01/2026

SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN (SBPP)

**TERMA DAN SYARAT
SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN (SBPP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) adalah merupakan satu skim yang menawarkan pinjaman (bukan biasiswa) kepada pelajar-pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat **Ijazah Sarjana Muda** secara sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Pemohon yang berjaya tidak boleh memohon / menerima sebarang biasiswa yang ditawarkan dalam negeri.

1. Syarat-Syarat Utama

- 1.1 Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan
- 1.2 Berumur tidak melebihi 26 tahun pada 1 September 2026.

2. Kelayakan Akademik

2.1 Memperolehi sekurang-kurangnya **3 (tiga) mata pelajaran BC-GCE 'A' Level** dalam sekali duduk dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan memperolehi **UCAS Tariff Points minima 96 (240⁺) mata** bagi 3 (tiga) mata pelajaran terbaik dan setiap matapelajaran hendaklah **tidak kurang daripada Gred C**.

[New Tariff Points: A*=56; A=48; B=40; C=32; D=24; E=16]
[Old Tariff Points: A*=140; A=120; B=100; C=80; D=60; E=40]

atau

2.2 Memperolehi kelulusan **International Baccalaureate Diploma (IB)** dalam tempoh 2 tahun kebelakangan dengan Gred sekurang-kurangnya **30 mata**.

atau

2.3 Memperolehi **Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)** atau **Level 5 Diploma** dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap **Distinction** atau **Gred A** mengikut sistem penggredan (*Grading System*) dari institusi berkenaan dalam tempoh 2 tahun kebelakangan.

WK

dan

2.4 Memperolehi:

- i. Minima **Kredit C6** bagi mata pelajaran **Bahasa Inggeris** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa ('O' Level); **atau**
- ii. Minima **Gred C** bagi mata pelajaran **IGCSE English as a Second Language** atau yang sebanding dengannya; **atau**
- iii. Minima **Gred c** bagi mata pelajaran Kertas Am (*General Paper*) dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan ('AS' Level); **atau**
- iv. **IELTS Overall Band minima 6.0** tidak melebihi 2 tahun kebelakangan.

2.5 Bagi **pelajar persendirian** yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda yang berhajat untuk meneruskan pengajian ke tahun berikutnya di bawah Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan hendaklah memperolehi **sekurang-kurangnya Kepujian Kelas Kedua Atas (2:1) atau sebanding dengannya pada akhir sesi pengajian yang sedang diikuti** dan memenuhi persyaratan pengajian seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 di bawah.

3. Bidang dan Tempat Pengajian

3.1 Pemohon hendaklah mengikuti kursus dalam bidang yang sejajar dengan keutamaan dan keperluan Negara sepertimana dalam senarai kursus terkini Ijazah Sarjana Muda (seperti dalam **Lampiran A**). Permohonan bagi mengikuti kursus-kursus yang tidak termasuk di dalam senarai di atas adalah tertakluk kepada pertimbangan khas.

3.2 Tempat pengajian jika di institusi pengajian tinggi luar negara hendaklah berpandukan kedudukan (*ranking*) universiti yang terkini seperti berikut:

- '**Top 40**' dalam *The Times Good University Guide United Kingdom 2026* (secara keseluruhan); **atau**
- '**Top 20**' mengikut bidang (subjek) dalam *The Times Good University Guide United Kingdom 2026*; **atau**
- '**Top 300**' dalam *QS World University (QSWU) Rankings 2026*; **atau**
- Kategori '**berdaya saing**' bagi institusi pengajian tinggi Malaysia (mengikut '**SETARA 2022**').

3.3 Pemohon-pemohon yang mendapat tawaran tempat pengajian di universiti yang berkedudukan **20 teratas dunia secara keseluruhan (Top 20 World Universities)** mengikut kedudukan *QSWU Rankings 2026* akan diberi pertimbangan secara *case by case*.

3.4 Pelajar tidak dibenarkan bertukar tempat pengajian atau menukar kursus tanpa sebab yang munasabah atau kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan. Pelajar boleh dikehendaki untuk membayar balik sepenuhnya pinjaman yang telah dikeluarkan jika bertukar tempat pengajian atau menukar kursus tanpa kebenaran awal secara bertulis dari pihak Kerajaan.

3.5 Kursus yang terdapat latihan industri (*internship / placement year*) tidak akan dibiayai di bawah SBPP.



4. Tempoh Pengajian

- 4.1 Tempoh pengajian adalah tiga tahun maksima atau mengikut tempoh kursus yang ditawarkan.

5. Syarat-Syarat Tambahan

- 5.1 Lulus temuduga pemilihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan mencapai tahap peratus yang ditetapkan; **dan**
- 5.2 Kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti sebaik-baiknya mendapat pengiktirafan daripada Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (MKPK); **dan**
- 5.3 Bersih dalam tapisan keselamatan.

6. Struktur Pinjaman

- 6.1 Pemohon perlu menyediakan dua orang penjamin. Penjamin hendaklah terdiri dari ahli keluarga yang mempunyai pekerjaan tetap yang berkhidmat dengan Kerajaan atau sektor swasta dimana **Penjamin Pertama** hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan.
- 6.2 Jika pelajar lulus pengajian dan berhajat untuk bekerja di luar negara, tambahan seorang penjamin adalah diperlukan. Pelajar akan dikehendaki membayar balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
- 6.3 Jumlah maksima pinjaman yang akan dihulurkan adalah seperti berikut:
- 6.3.1 Bagi pelajar yang mengikuti pengajian di **dalam negara** adalah meliputi kos yuran pengajian, kos perjalanan dan kos sara hidup.
- 6.3.2 Manakala, bagi pelajar yang mengikuti pengajian di **luar negara** ianya akan meliputi kos yuran pengajian, kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman). Walaubagaimanapun, jumlah pinjaman yang dipohonkan untuk dikeluarkan adalah tertakluk kepada keperluan 'peminjam' yang tidak melebihi kadar-kadar yang telah ditetapkan bagi penerima Biasiswa Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 6.4 Kadar kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman) adalah berpandukan garispandu Maklumat Kadar Elaun dan Kemudahan-Kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, mengikut Negara tempat pengajian.
- 6.5 Pinjaman bagi kos yuran pengajian akan dibayar secara langsung kepada tempat pengajian berdasarkan kepada tuntutan. Manakala, bagi kos perjalanan dan kos sara hidup (termasuk sewa tempat kediaman bagi pengajian di luar negara) akan dibayar secara langsung setiap bulan ke dalam akaun 'peminjam' di luar negara.
- 6.6 Jika ibu / bapa pelajar yang berjaya mendapatkan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan ini menerima kemudahan Elaun Pelajaran Kerajaan (maksima \$800 sebulan tertakluk kepada negeri tempat belajar), elaun tersebut akan dibayar terus ke akaun 'peminjam' atau sebagai 'top-up' kepada perbezaan jumlah keseluruhan pinjaman.

6.7 Pelajar adalah dikehendaki untuk menghadapi keputusan akademik pengajian setiap tahun kepada Kementerian Pendidikan sekurang-kurangnya sebulan sebelum tahun baru pengajian bermula. Pihak Kementerian Pendidikan berhak untuk menghentikan pinjaman yang dihulurkan jika pelajar menanggukkan pengajian mereka; atau menjadi tidak aktif dari segi akademik; atau lemah dalam prestasi akademiknya. Dalam perkara ini, peminjam akan perlu untuk membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan mengikut syarat-syarat tertentu.

7. Bayaran Balik Pinjaman

7.1 Pinjaman kewangan tidak akan dikenakan sebarang yuran pentadbiran semasa tempoh pengajian mengikut tempoh kursus yang ditawarkan. Yuran pentadbiran akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan bermula dari tiga bulan selepas tarikh tamat pengajian pada kadar sebanyak 3 peratus setahun daripada baki pinjaman.

7.2 Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi 30 tahun dan pembayaran balik boleh dibuat sekali gus (*lump sum*) atau secara ansuran bulanan apabila peminjam mendapat pekerjaan termasuk jika bekerja sendiri. Kadar bayaran balik pinjaman setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada 15 peratus gaji pokok.

7.3 Jika peminjam berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, bayaran balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran akan dipotong terus daripada gaji bulanan peminjam. Jika peminjam tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, urusan pembayaran balik kepada Kerajaan perlulah melalui potongan gaji bulanan peminjam oleh majikan. Jika peminjam bekerja sendiri (*self-employed*), pembayaran balik hendaklah dihadapkan terus ke Jabatan Perbendaharaan di Kementerian Kewangan.

7.4 Pelajar bertanggungjawab untuk mencari pekerjaan sendiri selepas tamat pengajian.

7.5 Sebagai galakan kepada pelajar-pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik, pihak Kerajaan akan menawarkan **insentif-insentif** berikut:

7.5.1 Pelajar yang berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan pangkat First Class with Honours, akan ditawarkan untuk menukar pinjaman tersebut kepada biasiswa Kerajaan dan tidak akan diperlukan membayar balik pinjaman tersebut sepenuhnya. Jika sekiranya pelajar tidak berhasrat untuk mengambil biasiswa Kerajaan maka pembayaran balik pinjaman termasuk yuran pentadbiran pada kadar yang ditetapkan akan dikenakan sepenuhnya.

7.5.2 Pelajar yang mendapat pangkat Second Upper (2:1) with Honours, akan ditawarkan bagi pengurangan bayaran balik pinjaman jumlah pokok (principal amount) sebanyak 60 peratus. Jumlah pinjaman selebihnya sebanyak 40 peratus bersama yuran pentadbiran yang ditetapkan akan dikenakan.

7.5.3 Pelajar yang mendapat pangkat Second Lower (2:2) with Honours, akan ditawarkan pengurangan bayaran balik pinjaman jumlah pokok sebanyak 20 peratus. Jumlah pinjaman selebihnya sebanyak 80 peratus bersama yuran pentadiran yang ditetapkan akan dikenakan.

7.6 Bagi mana-mana pelajar yang menerima tawaran bagi pengurangan pinjaman kepada biasiswa sepenuhnya seperti di perenggan 7.5.1 di atas, Kerajaan berhak untuk mendapatkan perkhidmatannya bekerja dengan kerajaan terlebih dahulu (right of first refusal) berbanding tawaran kerja dari pihak swasta bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan juga boleh menimbang bagi pelajar-pelajar berkenaan untuk diberikan kebenaran untuk terus berkhidmat terus di sektor swasta jika terdapat keperluan tersebut.

7.7 Pelajar-pelajar yang menerima tawaran insentif-insentif di perenggan 7.5.1, 7.5.2 dan 7.5.3 di atas, adalah juga dipersyaratkan untuk memperolehi sekurang-kurangnya Kredit C6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat 'O' Level.

7.8 Bagi negara-negara yang tidak menggunakan sistem klasifikasi keputusan pengajian di bilangan 7.5.1, 7.5.2 dan 7.5.3 di atas, pelajar hendaklah mendapatkan surat pengesahan secara rasmi mengenai klasifikasi daripada Pejabat Pendaftar universiti tempat pengajian atau tertakluk kepada pengesahan klasifikasi daripada Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

7.9 Sebagaimana keterangan di perenggan 3.3 di atas, mana-mana pelajar yang meninggalkan institusi pengajian tanpa melengkapkan kursus dan kebenaran bertulis dari pihak Kerajaan, jumlah pinjaman (termasuk yuran pentadbiran) dengan serta-merta akan menjadi tuntutan bayaran mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

8. Tatacara Permohonan

8.1 Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan <https://www.moe.gov.bn>.

8.2 Tarikh mula dan tutup permohonan akan dimaklumkan kemudian melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan dan media-massa.

8.3 Pemohon adalah dikehendaki menghadapkan perkara-perkara berikut ke **Kaunter No. 3 (Jabatan Pengurusan Biasiswa), Pusat Perkhidmatan Setempat, Lantai Dasar, Blok C, Kementerian Pendidikan:**

- Salinan borang permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan;
- Salinan borang permohonan HECAS (jika berkenaan);
- Salinan kad pengenalan;
- Borang B (3 keping);
- Salinan sijil dan dokumen yang disahkan (*certified true copy*) oleh Pengetua Sekolah / Pendaftar Mahkamah;
- Surat pengiktirafan kursus atau program dan tempat pengajian yang dipohonkan oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (MKPK);
- Sistem penggredan (*Grading System*) tempat mengikuti pengajian bagi permohonan pelajar persendirian;
- Isi kandungan kursus (*course content / structure*);
- Salinan surat tawaran tempat pengajian (*Conditional / Unconditional Offer*) - Jika belum menerima tawaran, pengesahan membuat permohonan ke tempat pengajian adalah memadai;

wk

- Tangkap layar ringkasan permohonan UCAS (Universiti UK yang dipohon) (jika berkenaan);
- Salinan slip gaji / rekod pendapatan ibu bapa / penjaga; dan
- Borang deklarasi maklumat SBPP.

Makluman:

Pemohon yang belum memperolehi keputusan rasmi (*official result*) adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) atau keputusan terkini yang dikeluarkan oleh sekolah / institusi masing-masing. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi peperiksaan yang akan diperolehi nanti dan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Pengurusan Biasiswa sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan.

Pemohon hendaklah juga menghantar borang dan dokumen yang tersenarai / relevan di atas secara *hardcopy* ke **Kaunter No. 3 (Jabatan Pengurusan Biasiswa), Pusat Perkhidmatan Setempat, Lantai Dasar, Blok C, Kementerian Pendidikan** dan *softcopy* melalui emel ke sbpp@moe.gov.bn.

9. Permohonan Yang Tidak Akan Dipertimbangkan

Permohonan dalam kategori berikut dengan sendirinya **tidak akan dipertimbangkan**.

9.1 Tidak memenuhi syarat-syarat utama dan tambahan.

9.2 Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sama ada dalam jawatan tetap, percubaan, *open vote* atau gaji hari (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 27/1988 bertarikh 6 September 1988 dan bilangan 10/2006 bertarikh 26 April 2006 adalah dirujuk) dan mana-mana syarikat swasta yang *established*.

9.3 Permohonan yang dihantar:-

- Selepas tarikh tutup; **atau**
- Yang tidak lengkap diisi; **atau**
- Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan (*certified true copy*); **atau**
- Mempunyai maklumat palsu / tidak benar.

“Memperkasa Pembangunan Prasarana dan Inovasi ke arah Kemakmuran Negara”

[DR CHIN WEI KEH]

Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) /
Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : KPE/S19/C/SUT
Bertarikh : 20 Rejab 1447 / 10 Januari 2026

**SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN
BAGI SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN SESI PENGAJIAN 2026/2027
PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (*FIRST DEGREE*)**

BIL	KURSUS
A	LIFE SCIENCES AND MEDICINE
1	Bachelor of Science in Aquaculture
2	Bachelor of Science in Aquaculture and Fishery Management
3	Bachelor of Science in Agriculture / Bachelor of Agricultural Science
4	Bachelor of Science in Animal Science
5	Bachelor of Diagnostic Radiography
6	Bachelor of Science in Food Science and Nutrition / Food Technology and Nutrition
7	Bachelor of Science in Marine Biology
8	Bachelor of Medical Science
9	Bachelor of Science in Nursing
10	Bachelor of Paramedicine

B	SOCIAL SCIENCES AND MANAGEMENT
11	Bachelor in Hospitality and Tourism Management
12	Bachelor of Human Resource Management
13	Bachelor of Maritime Business / Maritime Management
14	Bachelor of Supply Chain Management

C	ENGINEERING AND TECHNOLOGY
15	Bachelor of Science in Artificial Intelligence
16	Bachelor of Science in Cybersecurity / Computer Network & Security
17	Bachelor of Science in Data Science
18	Bachelor of Science in Data Analytics
19	Bachelor of Engineering in Manufacturing Engineering
20	Bachelor of Marine Engineering
21	Bachelor of Science in Network Technology / Network Engineering
22	Bachelor of Engineering in Renewable Energy Engineering / Bachelor of Engineering in Energy Engineering
23	Bachelor of Engineering in Telecommunication Engineering